

LATIH TUBI 60 SOALAN TATABAHASA

AKTIVITI SEMPENA CUTI SEKOLAH UNTUK MENENGAH RENDAH

CADANGAN MASA:1 JAM 30 MINIT
SELAMAT MENJAWAB

ARAHAN DAN MAKLUMAT:

1. Kertas soalan ini mengandungi **60 soalan tatabahasa** .Jawab semua soalan. Bentuk-bentuk soalan yang dibina adalah disesuaikan dengan format PT3 kertas 1 soalan objektif bahagian A tatabahasa yang dimulakan pada tahun 2019. (*Soalan sebenar kertas 1 bahagian A tatabahasa hanya disoal sebanyak 20 soalan sahaja).Baca arahan bagi setiap bahagian soalan dengan teliti.
2. Tulis jawapan anda pada mana-mana kertas jawapan anda sendiri.Anda juga boleh menjawab pada soalan ini sekiranya anda mencetak soalan ini. Anda dinasihatkan agar melengkapkan kertas jawapan anda dalam masa yang ditetapkan.Anda juga boleh menulis jawapan di borang **google forms** yang disediakan dibawah dan anda akan memperoleh terus markah skor.
3. <https://forms.gle/4vvHkCADvyqEAUPy5>
4. Bagi setiap soalan yang dikemukakan akan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D.Bagi setiap soalan,pilih satu jawapan sahaja.

NAMA :

TINGKATAN :

SEKOLAH:.....

NEGERI:.....



IMBAS BLOG SAYA



IMBAS PUSTAKA SAYA

©mohaz/semkip/2021

02/1

Bahasa Melayu

02/1

SULIT

Soalan 1 - 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kejadian _____ gas itu telah disedari oleh ibu setelah terhidu bau yang menusuk hidung.
A kebocoran
B ketirisan
C ketumpahan
D kepancitan
- 2 Kecantikan wajah Natalia semakin _____ sejak menggunakan krim pencerah kulit.
A terserlah
B terpancar
C teranggun
D terpampang
- 3 Syafiq baru _____ dalam bidang perniagaan setelah mendapat pinjaman modal daripada bank.
A berura-ura
B bertatih-tatih
C beriya-iya
D berengsot-engsot
- 4 Dengan suara yang _____ Naqib menceritakan pengalamannya berhari raya kepada rakan-rakan sekelasnya.
A gagah
B gaduh
C gugup
D gagap
- 5 Para penduduk _____ pembinaan kilang papan berhampiran dengan petempatan mereka.
A memulau
B membantah
C memboikot
D menyangkal

- 6 _____ yang terdapat pada bumbung rumah Pak Busu telah reput dimakan anai-anai.
- A Kisi-kisi
 - B Tupai-tupai
 - C Kuda-kuda
 - D Alang-alang
- 7 Cara Owi menyelesaikan masalah matematik yang diberikan oleh gurunya lain _____ yang lain.
- A dari
 - B demi
 - C daripada
 - D antara
- 8 Walaupun Kamal sekeluarga hidup dalam kemiskinan namun begitu dia _____ menghadapi dugaan.
- A cekal
 - B reda
 - C tekun
 - D tulus
- 9 Masalah kekurangan gula di dalam negara kita semakin _____ apabila terdapat penjual yang menyorokkannya.
- A mendadak
 - B menjunam
 - C meruncing
 - D melambung
- 10 Pasukan keselamatan akan menjalankan _____ yang ketat terhadap setiap penumpang kapal terbang yang datang ke negara ini.
- A penelitian
 - B pemerhatian
 - C pemeriksaan
 - D penyemakan
- 11 Mutusamy berjanji akan datang ke rumah saya _____ kelapangan masa.
- A tatkala
 - B apabila
 - C sambil
 - D walaupun

- 12 Ramesh terpaksa _____ Raju yang tidak larat berjalan lagi setelah mereka berekspedisi sejauh tujuh kilometer.
- A menandu
B mendukung
C mengendong
D memapah
- 13 Janganlah kita suka memikirkan perkara yang _____ kerana hal ini hanya membuang masa.
- A bukan-bukan
B hidup-hidup
C elok-elok
D omong-omong
- 14 Sultan dan _____ telah berangkat ke majlis santapan diraja sempena hari keputeraan baginda.
- A isteri
B sultanah
C maharani
D perempuan

Soalan 15 - 28

Ayat-ayat di bawah **mungkin betul dan mungkin salah**. Jika terdapat kesalahan, **kesalahan itu telah ditanda dengan A, B, dan C**. Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan** dalam ayat berkenaan.

- 15 Setiap rakyat perlu berjati diri dan cintakan negara demi mewujudkan sebuah negara yang aman dan sejahtera. Tiada kesalahan.
- A B C
D
- 16 Pencapaian cemerlang Dato' Lee Chong Wei dalam sukan badminton mendapat sanjungan daripada orang ramai semenjak dahulu lagi. Tiada kesalahan.
- A
B C D
- 17 Patik berterima kasih kerana tuanku berkenan untuk mencemar duli melawat ke kampung kami. Tiada kesalahan.
- A B C
D
- 18 Emak membeli dua biji tomato dan empat rumpun serai serta lima helai daun limau purut untuk dibuat tomyam. Tiada kesalahan.
- A B C
D

- 19 Naim berkelana di perantauan berseorangan dan berbekalkan dengan doa restu
A B C
 ibunya yang tersayang. Tiada kesalahan.
D
- 20 Pelbagai ilmu telah ditimba oleh Sufian dalam kursus yang diberikan oleh beberapa
A B
 orang fasilitator selama tiga hari setengah itu. Tiada kesalahan.
C D
- 21 Kerajaan telah memperindah kawasan-kawasan peranginan untuk menarik kemasukan
A B
 pelancong dalam usaha meningkatkan pendapatan negara. Tiada kesalahan.
C D
- 22 Pasukan dari SMK Bukit Payong menjuarai dalam Kejohanan Olahraga Peringkat
A B
 Daerah Besut yang diadakan pada bulan Mac lalu. Tiada kesalahan.
C D
- 23 “Adakah kamu yakin bahawa pemuda yang terlibat dalam kemalangan itu
A B
ialah orang kampung kamu?” Tanya pegawai polis kepada Ain . Tiada kesalahan.
C D
- 24 Patik benar-benar memohon maaf daripada duli tuanku atas segala kesilapan
A B C
 yang dilakukan selama ini,” sembah Tun Fatimah. Tiada kesalahan.
D
- 25 Sos cili memang enak dimakan dengan keropok goreng dan makanan-makanan
A B
lain ketika minum petang. Tiada kesalahan.
C D
- 26 Cikgu Mohaz amat tertarik oleh budi bicara dan sopan santun para pelajar
A B
 semasa sesi soal jawab dengan penceramah berlangsung. Tiada kesalahan.
C D
- 27 Kerja-kerja pemetaan sedang dijalankan oleh para pekerja Jabatan Ukur Negeri
A B
 Terengganu di kawasan petempatan baharu itu. Tiada kesalahan.
C D
- 28 Para pengguna hendaklah dahulukan pembelian barangan keperluan dan tidak
A
berhabis wang semasa berbelanja setelah mendapat durian runtuh. Tiada kesalahan.
B C D

Soalan 29 – 34

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betul** dan tentukan bahawa anda telah **memilih cadangan jawapan yang paling sesuai**.

- 29 I Sesiapa yang ingin menjadi anggota tentera mestilah melepasi *ujian* ketahanan fizikal.
 II Setiap orang mesti melalui pelbagai *ujian* sepanjang kehidupan mereka.
 III Pelajar kelas Dua Zaaba sedang menjalankan *ujian* tindak balas kimia di makmal.
 IV Tabung *ujian* itu pecah kerana dibakar dengan api yang terlalu panas.
- A I dan II sahaja
 B II dan III sahaja
 C I, III dan IV sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- 30 I Pelari negara jauh *tinggal* di belakang dalam acara lumba lari 5000 meter.
 II Keluarga Chua hanya *tinggal* sehelai sepinggang dalam kebakaran rumahnya.
 III Keriangan menyambut hari lebaran *tinggal* kenangan indah kepada kami.
 IV *Tinggal* lima hari lagi pelajar Tingkatan 2 akan menduduki peperiksaan akhir tahun.
- A I dan III sahaja
 B II dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- 31 I Dunia yang kita diami hari ini sudah *tua*.
 II Duduk di atas bantal merupakan pantang larang orang *tua*.
 III Kelapa *tua* sememangnya banyak mempunyai santan.
 IV Setiap yang hidup akan mengalami proses *tua* apabila tiba masanya.
- A I dan II sahaja
 B I dan III sahaja
 C I, II dan IV sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- 32 I Kejadian itu berlaku pada *musim*nya masih muda.
 II *Musim* tengkujuh dijangka melanda negara pada bulan Oktober.
 III Pada *musim* cuti yang lalu, saya berkelah di Pantai Batu Buruk.
 IV Kami sekeluarga akan pulang ke kampung pada *musim* buah-buahan.
- A I dan II sahaja
 B II dan IV sahaja
 C I, III dan IV sahaja
 D II, III dan IV sahaja

- 33 I Tugas ibu bapa adalah *mengawal* anak-anak supaya menjadi orang yang berguna.
 II Kerjaya Nizam sebagai *mengawal* cukup untuk menampung kehidupannya sekeluarga.
 III Pelbagai langkah telah diambil oleh pihak kerajaan untuk *mengawal* harga gula di pasaran.
 IV Pasukan polis telah diarahkan supaya *mengawal* bangkai kapal terbang yang terhempas itu.
- A I dan II sahaja
 B I dan IV sahaja
 C II dan III sahaja
 D III dan IV sahaja
- 34 I Perpustakaan desa itu sentiasa menjadi *tumpuan* masyarakat setempat di Pekan Kemasek.
 II Semua penonton memberikan *tumpuan* kepada acara lari berganti-ganti yang sedang berlangsung itu.
 III Rumah orang-orang tua itu menjadi tempat *tumpuan* orang-orang tua yang tidak mempunyai keluarga.
 IV Jika kita tidak *tumpuan* dalam sesuatu pekerjaan, pekerjaan kita pasti tidak menjadi.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 35 - 42

Sebahagian daripada ayat yang berikut telah digariskan. Bahagian yang **bergaris** itu mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Jika anda menganggap bahawa bahasa bahagian yang bergaris itu **salah** dan perlu diubah, anda hendaklah menandakan **A, B** atau **C** sebagai pilihan jawapan anda. Jika tiada kesalahan tandakan **D**.

- 35 Para tetamu dihidangkan pelbagai jenis kuih-muih semasa majlis rumah terbuka sempena hari raya Aidilfitri baru-baru ini.
- A dihidangi pelbagai jenis kuih.
 B dihidangkan pelbagai jenis kuih.
 C dihidangi pelbagai jenis kuih-muih.
 D dihidangkan pelbagai jenis kuih-muih.
- 36 Pemain bola sepak T-Team itu berasa letih sungguh selepas perlawanan akhir pada malam tadi.
- A merasa letih sungguh
 B berasa sungguh keletihan
 C merasa sungguh letih
 D berasa letih sungguh

- 37 Beribu-ribu orang penduduk-penduduk kampung terkorban dalam kejadian bencana alam.
- A Ribuan penduduk
 - B Ribuan orang penduduk
 - C Beribu-ribuan orang penduduk
 - D Beribu-ribu orang penduduk-penduduk
- 38 Demi memperolehi tempahan, ibu terpaksa mengeluarkan modal untuk menampung kos pengiklanan bagi mempromosikan kek keluaran syarikat mereka.
- A Untuk memperolehi tempahan
 - B Demi untuk memperolehi tempahan
 - C Untuk memperolehi tempahan
 - D Demi memperolehi tempahan
- 39 Semua murid sayang akan guru itu yang pandai mengambil hati.
- A Semua murid-murid sayangkan guru
 - B Semua murid-murid sayang akan guru
 - C Semua murid sayangkan guru
 - D Semua murid sayang akan guru
- 40 Goreng nasi dari Restoran Kasturi sangat enak dan terkenal di bandar ini.
- A Nasi goreng di Restoran Kasturi
 - B Nasi goreng dari Restoran Kasturi
 - C Goreng nasi di Restoran Kasturi
 - D Goreng nasi dari Restoran Kasturi
- 41 Kata-kata aluan telah pengetua berikan sebelum merasmikan Program Penyampaian Hadiah Kecemerlangan kepada pelajar-pelajar yang berjaya dalam peperiksaan.
- A Kata alu-aluan telah pengetua berikan
 - B Kata alu-aluan telah diberikan pengetua
 - C Kata-kata aluan telah diberikan pengetua
 - D Kata-kata aluan telah pengetua berikan
- 42 Secantik bunga akan lesu apabila tiba masanya walaupun dijaga dengan sempurna.
- A Secantik-cantik bunga akan lesu
 - B Secantik-cantik bunga akan layu
 - C Secantik bunga akan layu
 - D Secantik bunga akan lesu

Soalan 43 – 48

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama atau maksud** yang **paling hampir dengan** ayat yang dicetak tebal.

- 43 Kerajaan telah menguatkuasakan kawalan harga bagi barang keperluan setiap kali waktu perayaan untuk mengurangkan beban rakyat.**
- A Harga barang keperluan telah diturunkan oleh kerajaan setiap kali waktu perayaan supaya beban rakyat dapat dikurangkan.
 - B Beban rakyat semakin berkurang pada setiap waktu perayaan setelah kerajaan menguatkuasakan kawalan harga bagi barangan keperluan.
 - C Pada setiap perayaan kerajaan telah mengurangkan beban rakyat dengan menurunkan harga kawalan bagi barangan keperluan.
 - D Penguatkuasaan kawalan harga barangan keperluan oleh kerajaan pada waktu perayaan membebaskan rakyat.
- 44 “Kamu hendaklah yakin dengan kebolehan diri sebelum kamu menyertai sayembara penulisan cerpen,” kata Cikgu Azlan kepada murid-muridnya.**
- A Cikgu Azlan berkata kepada murid-muridnya supaya yakin dengan kebolehan masing-masing semasa menyertai sayembara penulisan cerpen.
 - B Cikgu Azlan mengharapkan murid-muridnya yang menyertai sayembara penulisan cerpen yakin dengan kebolehan sendiri.
 - C Cikgu Azlan memuji murid-muridnya yang mempunyai keyakinan diri untuk menyertai sayembara penulisan cerpen.
 - D Cikgu Azlan berkata kepada murid-muridnya supaya menyertai sayembara penulisan cerpen dengan penuh keyakinan.
- 45 Anak-anak yang menghormati ibu bapa akan melahirkan keluarga yang bahagia, masyarakat yang harmoni dan negara yang aman.**
- A Keamanan negara, keharmonian masyarakat dan kebahagiaan keluarga wujud daripada penghormatan ibu bapa terhadap anak-anak.
 - B Ibu bapa perlu dihormati untuk melahirkan keluarga bahagia, masyarakat yang harmoni dan negara yang aman.
 - C Kewujudan keluarga yang bahagia, masyarakat yang harmoni dan negara yang aman ekoran daripada anak-anak yang menghormati ibu bapa.
 - D Kebahagiaan anak-anak akan mewujudkan kebahagiaan ibu bapa dan keluarga seterusnya masyarakat dan negara.
- 46 Sungai bukan sahaja sumber air tetapi berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan rehat dan kawasan rekreasi.**
- A Sungai berkeupayaan menjadi sumber air bagi tempat untuk beristirahat dan beriadah.
 - B Kawasan rehat dan kawasan riadah dapat dibangunkan sekiranya terdapat sumber air dan sungai.
 - C Punca air, kawasan rehat dan riadah antara fungsi utama sungai yang boleh ditingkatkan.
 - D Sungai berkeupayaan untuk dimajukan sebagai kawasan rehat dan kawasan riadah selain menjadi punca air.